

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Inisiatif rakyat terjejas jika harga petrol diturunkan

Inisiatif rakyat terjejas jika harga petrol diturunkan

Kerajaan miliki dana terhad, lebih fokus laksana program tingkat kebajikan serta taraf hidup

Kuala Lumpur: Pelbagai inisiatif dan program yang memberi manfaat kepada rakyat negara ini, akan terjejas jika Kerajaan Perpaduan di bawah kepemimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ini, menurunkan harga petrol.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata meskipun dibebani hutang dan perbelanjaan pengurusan negara yang tinggi, kerajaan tetap komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kebajikan serta taraf hidup rakyat.

Katanya, kerajaan memiliki dana terhad kerana pendapatan negara hanyalah sekitar RM300 bilion, namun perlu mengeluar kan sejumlah wang yang besar bagi pemberian subsidi, perbelanjaan mengurus dan membayar faedah hutang negara.

"Kerajaan kena bayar subsidi sampai RM80 bilion; bayar lagi faedah atas hutang lebih kurang RM30 bilion, tambah pula gaji pekerja, sewa bangunan kerajaan dan perbelanjaan kerajaan beratus-ratus bilion.

"Akhirnya duit itu habis semua, jadi bagaimana kita hendak bantu rakyat untuk naikkan gaji, bina lebih banyak rumah dan wujudkan program basmi kemiskinan yang merubah kehidupan rakyat," katanya pada ceramah Jelajah MADANI di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua di sini, malam kelmarin.



Rafizi berucap pada Majlis Ceramah Jelajah MADANI DUN Sungai Tua di Kampung Bahtera, Gombak Permai, dalam kelmarin. (Foto BERNAMA)

kinan yang merubah kehidupan rakyat," katanya pada ceramah Jelajah MADANI di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua di sini, malam kelmarin.

Tak boleh tambah subsidi

Beliau yang juga Timbalan Presiden PKR, berkata susulan itu, kerajaan tidak boleh menambah subsidi bagi harga minyak kerana perlu mengimbangi perbelanjaan untuk membolehkan inisiatif membantu rakyat terus dilaksanakan.

"Kalau kita nak turunkan harga minyak, kita kena tengok pada harga (lebih rendah daripada) RM2.05 sen setiap liter itu, berapa jumlah wang yang kerajaan perlu belanjakan (untuk subsidi).

"Harga minyak mentah ketika ini ialah AS\$80 bagi setiap tong. Ini bermakna kerajaan perlu bayar subsidi RM1 bagi setiap liter

dan kekalhan harga pada RM2.05," katanya.

Menyentuh desakan agar harga minyak diturunkan yang kembali dimainkan oleh pembangkang ketika ini, Rafizi berkata kerajaan tidak mahu mengambil langkah populis sebaliknya lebih mengutamakan kebajikan rakyat dengan menambah bala infrastruktur asas dan gaji penjawat awam.

"Kalau nak menang PRN (Pilihan Raya Negeri) mudah, saya dan Perdana Menteri boleh kata 'Jom! Kita turunkan harga minyak 20 sen, habis semua orang akan undi."

"Tetapi ini maknanya akan ada gaji cicgu yang dipotong, akan ada projek perumahan rakyat miskin tidak berjalan, bekalan air seperti di Kelantan tidak dapat diperbaiki dan anak-anak yang masuk universiti kita tidak

boleh bantu," katanya.

BERNAMA



Kerajaan lebih fokus laksana inisiatif menangani kenaikan kos sara hidup dan membantu rakyat. (Foto ilustrasi)